

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 21 MEI 2015

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah permohonan Skim Tanam Baru Kelapa Sawit (TBSPK) bagi Parlimen Sibuti dari tahun 2011 sehingga 2014 dan berapa jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh MPOB sehingga kini kepada pekebun sawit di Parlimen Sibuti (merangkumi Lambir, Bekenu, Niah).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) di kawasan Parlimen Sibuti (merangkumi Lambir dan Bekenu) dan kawasan Niah dari tahun 2011 sehingga 2014 ialah seramai 2,825 orang dengan kawasan seluas 7,962.13 hektar. Jumlah permohonan yang telah diluluskan ialah seramai 2,504 orang dengan kawasan seluas 5,719.25 hektar.

Sekian, terima kasih.